

# Pilihan raya umum bila-bila masa: PM

BH 10 JUN 1994

Oleh Ishak Dalib (P)

MUAR, Khamis - Pilihan raya umum boleh diadakan pada bila-bila masa sekarang berasaskan kepada kedudukan ekonomi, sosial dan politik sekarang, kata Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dari segi pertumbuhan ekonomi, politik, keamanan dan perhubungan di antara kaum, kita berada pada tahap cukup baik. Tapi saya tak kata kita menunggu itu semua untuk mengadakan pilihan raya. Kita melakukannya sebagai tugas dan tanggungjawab kepada rakyat," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan mengadakan pilihan raya hanya berdasarkan kepada petunjuk itu sebaliknya mahu menggunakan tempoh lima tahun yang diberikan rakyat untuk menjalankan tugas.

"Kita diberi tempoh lima tahun. Kita tidak mahu adakan pilihan raya secara main-main saja. Kita hendak gunakan tempoh itu untuk menjalankan tugas. Kalau terlalu kerap, ia menjadi satu beban kepada negara," katanya selepas berucap di Majlis Bersama Rakyat di Dewan Jubli Intan, di sini, hari ini. Tempoh kerajaan sekarang hanya berakhir Oktober tahun depan.

Isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd

Ali; Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin; Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Belia dan Sukan, Abdul Ghani Othman, adalah antara kira-kira 5,000 orang yang hadir.

Sebelah paginya, Dr Mahathir merasmikan kilang Pioneer Technology (M) Sdn Bhd dan Bangunan Tambahan SGS Thompson Microelectronics di Tanjung Agas, dekat sini.

Menyentuh senarai calon pilihan raya Umno, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, perkara itu hanya akan ditentukan pada saat-saat akhir bertujuan mengelakkan perpecahan akibat perasaan tidak puas hati daripada kalangan mereka yang tidak disenaraikan.

"Pengalaman kita ialah apabila menamakan calon, ada orang yang kecewa. Jika yang kecewa itu mengutamakan diri atau si polan, si polan, maka akan timbul keadaan tidak begitu menyenangkan dan mungkin perpecahan...," katanya.

Beliau kesal kerana hanya setelah seseorang itu dipilih sebagai calon barulah keburukannya dikenal pasti walaupun sebelum itu beliau di-sanjung.

Katanya, anggota Umno perlu memberi keutamaan kepada parti dan tidak mementingkan

diri sendiri.

Dr Mahathir juga meminta ahli Umno mendaftar sebagai pengundi secepat mungkin untuk membuktikan kesetiaan tidak berbelah bahagi dan sikap bertanggungjawab kepada parti.

"Ini (tidak mendaftar) satu kekecewaan. Ahli Umno patutnya semua mendaftar, tetapi ada yang tidak begitu mengambil berat. Kita tahu ramai juga yang tidak menjadi anggota manamana parti yang tidak berdaftar.

"Jadi mereka (ahli-ahli Umno) mestilah sekurang-kurangnya bertanggungjawab untuk mendaftar sebagai pengundi. Sudahlah kena bayar yuran seringgit tetapi mendaftarpun tidak ambil berat.

"Jadi saya minta dan rayu kepada semua ahli Umno mendaftarkan diri secepat mungkin sebagai bukti kesetiaan dan bertanggungjawab kepada parti," katanya.

Minggu lalu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata berdasarkan daftar pengundi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) pada 1993, seramai 388,466 ahli Umno layak mengundi tetapi tidak berdaftar sebagai pengundi.

Mengenai peluang BN di Kelantan yang diperintah Pas, Dr Mahathir yakin BN dapat merampas semula tampuk pemerintahan.